

TIGER BALM® PLASTER

Camphor/ Mentha Oil/ Eucalyptus Oil/ Menthol (1.0g / 0.6g / 0.5g / 0.3g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm Plaster*.
2. Bagaimana *Tiger Balm Plaster* berfungsi.
3. Sebelum menggunakan *Tiger Balm Plaster*.
4. Cara menggunakan *Tiger Balm Plaster*.
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm Plaster*.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Balm Plaster*.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan *Tiger Balm Plaster*

Memberi kelegaan yang berkaitan dengan sengal otot, ketegangan leher dan bahu, terseliuh, sakit belakang dan sakit arthritis.

Bagaimana *Tiger Balm Plaster* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan yang ringan dan anti keradangan. Apabila diletakkan di kawasan kulit yang terjejas, ia akan memberi kesan penyejukan diikuti dengan rasa hangat yang menyenangkan.

Sebelum menggunakan *Tiger Balm Plaster*

-Bila tidak boleh menggunakannya
Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

-Sebelum mula menggunakannya
Boleh menyebabkan alahan kepada sesetengah individu yang berkulit sensitif. Sebelum menggunakannya, cuba pada

permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

Cara menggunakan *Tiger Balm Plaster*

-Berapa banyak harus digunakan
Gunakan satu plaster di kawasan yang terjejas.

-Bila boleh menggunakannya
Gunakannya apabila merasa sakit berkaitan dengan sengal otot, ketegangan bahu, terseliuh, sakit belakang dan skit arthritis.

-Berapa lama atau kerap perlu digunakan
Disyorkan untuk menggunakan 1-2 plaster sehari untuk tempoh 6-8 jam bagi setiap penggunaan. Maksimum 7 hari penggunaan.

-Jika terlupa menggunakan
Dapatkan nasihat doktor bagi langkah yang harus dilakukan jika terlupa menggunakannya. Anda akan berterusan mengalami simptom kesakitan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Jika anda atau orang lain telah menggunakan plaster ubat secara berlebihan, sila dapatkan nasihat doktor atau pergi ke bahagian kecemasan hospital dengan segera. Lakukannya walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda meungkin memerlukan perhatian perubatan.

Semasa menggunakan *Tiger Balm Plaster*

-Perkara yang perlu dilakukan
Wanita hamil dan menyusu perlu mendapatkan nasihat doktor sebelum menggunakannya.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan menggunakan *Tiger Balm Plaster* pada luka terbuka atau kulit yang gatal.
- Jangan membalut terlalu ketat
- Jangan gunakan pada bayi di bawah umur 2 tahun.
- Langkah berhati-hati - hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan hidung dan mata,
- Berhenti menggunakannya jika terdapat kesan iritasi pada kulit.
- Untuk kegunaan luar sahaja. Jauhkan dari kanak-kanak.

Kesan- kesan sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui npra.gov.my ((Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Balm Plaster*

-Penyimpanan

Disyorkan untuk menyimpan *Tiger Balm Plaster* jauh daripada sinaran cahaya matahari dibawah 30°C dan disimpan ditempat yang kering. Simpan plaster yang tidak digunakan di pembungkus asal. Jangan mendedahkan plaster yang tidak digunakan di kawasan luar terlalu lama. Digunakan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembuatan.

-Pelupusan

Plaster ubat tidak boleh dilupuskan melalui laluan air. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan jika tidak menggunakannya.

Maklumat Produk

-Rupa dan warna produk

Pes di atas kain plaster yang mempunyai ciri bau Menthol dan Camphor.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Camphor, Mentha Oil, Eucalyptus Oil, Menthol,

Bahan tidak aktif:

Sorbitol Solution 70%, Glycerin, Polyacrylic Acid, Sodium Polyacrylate, Heavy Kaolin, Carmellose Sodium, Tartaric Acid, Urea, Castor Oil, Polysorbate 80, Polyvinyl Alcohol, Dihydroxyaluminum Aminoacetate, Disodium Edetate, Purified Water.

-Nombor MAL

- 1) MAL20014377X
- 2) MAL25086036XS

Pengilang

1) Haw Par Healthcare Ltd.,
2 Chia Ping Road,
Haw Par Tiger Balm Building,
Singapore 619968.

2) Tiger Balm (M) Sdn. Bhd,
No. 53, Jalan I-Park SAC 7,
Taman Perindustrian I-Park SAC,
81400 Senai, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Tiger Balm (M) Sdn. Bhd,
No. 53, Jalan I-Park SAC 7,
Taman Perindustrian I-Park SAC,
81400 Senai, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP.

10/09/2025

Nombor Siri

NPRA (R2/1)230823/1129